

# Kecekapan juruterbang MH192 elak tragedi berulang

Saya merujuk laporan BH semalam mengenai pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH192 yang melakukan pendaratan kecemasan. Semua penumpang wajar berterima kasih kepada juruterbang Kapten Nor Adam Azmi Abdul Razak dan pembantunya, Prakash Kumar kerana berjaya melakukan pendaratan dengan selamat.

Walaupun berada dalam keadaan genting, beliau dan pembantunya tidak gusar, malahan tenang semasa melakukan pendaratan kecemasan.

Lebih sebulan kita dikejutkan dengan kehilangan misteri pesawat MH370 dan masih ramai yang mengharapkan pesawat itu akan ditemui kembali. Kelmarin, rakyat Malaysia dikejutkan buat kali ke dua apabila pesawat MH192 dalam perjalanan ke Bangalore, India, terpaksa berpatah balik ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang kerana salah satu daripada tayar pada gear pendaratan utama sebelah kanan meletup ketika berlepas.

## Tindakan bijak juruterbang

Bagaimanapun, pesawat MH192 selamat mendarat pada jam 1.56 pagi. Tindakan bijak ini dilakukan oleh juruterbang dan pembantunya sekali gus menyelamatkan 195 penumpang dan tujuh anak kapal.

Kepantasan dan kecekapan beliau dan pembantunya mengawal pesawat itu mendapat pujian Pemangku Men-



## HERO MH192

Kapten Nor Adam Azmi selamat mendaratkan pesawat MAS bersama 166 penumpang ke Bangalore, India selepas berpatah balik kerana tayar pecah

PM, penumpang puji kecekapan juruterbang, kru harungi detik cemas

BERITA MUKA 4, 5

Penumpang dengar letupan NASIONAL 5

Panggilan Mayday sebelum mendarat

Keratan akhbar mengenai kecekapan juruterbang MH192 yang **berjaya melakukan pendaratan dengan selamat**.

teri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein. Selain itu, penumpang MH192 turut sama memberi pujian kepada mereka. Mereka tenang dan tidak cemas ketika mengendalikan pesawat MH192 selama empat jam di udara.

Memandu kapal terbang bukan seperti memandu kereta atau kenderaan lain kerana cara pengendalian-

nya amat berbeza. Untuk memahirkan diri seseorang itu, juruterbang perlu menjalani latihan khas di pusat atau sekolah latihan penerbangan sama ada di dalam atau luar negara.

## Berkemahiran dan terlatih

Juruterbang yang berkemahiran dan terlatih mampu menerbangkan pesawat penumpang dan kargo tanpa

mengira sama ada perjalanan itu jauh atau dekat. Tugas juruterbang bermula selewat-lewatnya satu jam sebelum penerbangan. Mereka akan melaporkan diri dan menerima taklimat dan maklumat tentang setiap penerbangan yang bakal dilakukan.

Latihan secukupnya mampu menjadikan seseorang juruterbang berkeupayaan berdepan cabaran

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

**bhforum@  
bh.com.my**

dan tidak gentar memandu pesawat meredah awan. Terutama ketika dalam keadaan semasa berlepas, pendakian, penurunan dan pendaratan yang mana memerlukan penumpuan sepenuhnya agar tidak berlaku sebarang kejadian tidak diingini.

Inilah sifat yang telah ditunjukkan oleh juruterbang dan pembantunya mengendali MH192 dengan bijak dan tenang. Sebagai rakyat Malaysia, kita haruslah mendoakan yang terbaik untuk negara dan pada masa sama, jangan berhenti mendoakan MH370.

**Siti Shazlinda Shaari**

Universiti Sains Islam Malaysia